

AMALAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL GURU BESAR DAN HUBUNGAN DENGAN KEPUASAN KERJA GURU- GURU SEKOLAH RENDAH DI NEGERI MELAKA

NURUL HANI BT SHAH JAN & MOHD IZHAM MOHD HAMZAH
Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk meninjau tahap amalan komunikasi interpersonal guru besar dan hubungannya dengan kepuasan kerja guru sekolah rendah di negeri Melaka. Sebanyak 20 buah sekolah rendah di Negeri Melaka dengan 331 orang guru terlatih sebagai responden terlibat dalam kajian ini. Persampelan adalah secara rawak berstrata. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan soal selidik. Analisis data secara statistik deskriptif dan inferensi digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan guru besar sekolah rendah di Negeri Melaka ada mengamalkan komunikasi interpersonal. Secara keseluruhannya, kepuasan kerja guru sekolah rendah di Negeri Melaka adalah di tahap yang tinggi.

Kata kunci: *Amalan Komunikasi Interpersonal, Kepuasan Kerja , Guru Besar ,Guru-guru*

LEVEL OF INTERPERSONAL COMMUNICATION PRACTICES OF HEADMASTERS AND THE RELATIONSHIP WITH JOB SATISFACTION OF PRIMARY SCHOOL TEACHERS IN MALACCA STATE.

ABSTRACT

This study aims to examine the level of interpersonal communication practices of headmasters and the relationship with job satisfaction of primary school teachers in Malacca state. A total of 20 primary schools in the Malacca state with 331 teachers trained are the respondents that involved in this study. Sampling is randomly stratified. Data collection being done by using questionnaires. Descriptive and inferential statistical data analysis being used in this study. The findings of the study shows that the headmaster of primary schools in the central Melaka district practice interpersonal communication. Overall, the job satisfaction of primary school teachers in the Malacca state at a high level.

Keywords: *Level of Interpersonal Communication Practices, Job Satisfaction, Headmasters, primary school teachers,*

Pengenalan

Komunikasi merupakan proses yang sangat penting dalam kehidupan manusia untuk melahirkan pendapat dan perasaan kepada seseorang. Menurut Zawiyah (2009), komunikasi melibatkan proses bacaan dan mendengar selain daripada bercakap dan menulis. Dalam konteks pendidikan pula, komunikasi adalah suatu proses penghantaran atau pertukaran maklumat atau informasi antara dua pihak atau seorang individu dengan sekumpulan individu yang lain. Sekolah merupakan sebuah institusi yang terlibat secara langsung dalam membangunkan berhubungannya secara aktif dalam kalangan warganya.

Pentadbir atau pengurus yang mempunyai kredibiliti yang jitu adalah pemimpin yang mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik. Guru Besar merupakan satu jawatan yang menduduki hierarki yang tertinggi dalam sistem pendidikan di sekolah yang mempunyai peranan penting seperti merencanakan program bagi melaksanakan segala misi dan visi Kementerian Pelajaran di peringkat akar umbi. Maka, Guru Besar perlu mempunyai asas dalam ilmu yang berkaitan dengan komunikasi interpersonal agar pengurusan guru-guru dan kakitangan sekolah berjalan lancar tanpa ada timbulnya sebarang konflik.

Antara faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja ialah faktor pengurusan, suasana kerja dan kepentingan individu itu sendiri. Manakala kepuasan dari segi persekitaran kerja pula bergantung kepada tahap kepuasan dalam mencapai matlamat dan objektif yang dikehendaki. Jika guru mencapai kepuasan dalam kerja yang dilakukan, ini boleh membantu meningkatkan tahap motivasi guru bagi meneruskan serta meningkatkan usaha mereka bagi menambahbaik kemahiran pengajaran, menjana persekitaran pembelajaran yang lebih baik serta mengukuhkan pencapaian murid (Junaidah & Nik Rosila (2013).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Dapat berkomunikasi dengan baik adalah penting. Setiap individu mempunyai cara yang berbeza apabila berkomunikasi. Sesetengah maklumat semasa berkomunikasi boleh membantu menjadikannya lebih mudah difahami. Guru besar selaku pengurus sesebuah organisasi iaitu sekolah memikul satu tanggungjawab yang besar dalam memastikan organisasi itu cemerlang dan terbilang Sekolah atau organisasi yang berjaya memerlukan guru besar yang bukan sahaja bijak mengurus bahkan bijak berkomunikasi.

Menurut Zawiyah (2009), komunikasi merupakan satu proses yang melibatkan pembacaan serta mendengar selain daripada bercakap dan menulis. Komunikasi ini mesti dipandu oleh pentadbir yang bijak dalam erti kata yang lain kegagalan pengurus dalam membentuk komunikasi yang berkesan maka barisan guru atau bukan guru akan menjadi pasif, tiada keinginan memajukan organisasi, bersikap acuh tak acuh dalam menjalankan tanggungjawab serta menyebabkan modal insan tidak dapat diwujudkan dalam organisasi tersebut.

Kepuasan kerja pula adalah satu isu utama dalam kalangan pekerja, baik dalam organisasi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan. Menurut kajian Raja Maria (2011) terdapat hubungan yang signifikan antara sesuatu pekerjaan itu dengan kepuasan kerja. Faktor ini merangkumi pelbagai kemahiran, maklumbalas, identiti kerja dan tugas atau pekerjaan yang signifikan dengan kakitangan itu sendiri atau tidak. Sehubungan itu, pentadbir yang peka terhadap kebajikan guru-guru perlu menyemai perkembangan emosi yang baik dan stabil dalam kalangan guru di sekolah supaya guru-guru dapat merasai persekitaran yang positif, seronok, suka, bahagia dan puas dalam melaksanakan kerja atau tanggungjawab yang diberi.

Guru besar perlu prihatin dan memberi fokus kepada amalan komunikasi yang berlangsung dalam organisasinya. Sikap sambal lewa serta tidak ambil berat akan mengakibatkan pelbagai konflik akan timbul dan ini akan memberi kesan keatas perjalanan sesuatu organisasi iaitu merujuk kepada sekolah.

KAJIAN PERPUSTAKAAN

Komunikasi interpersonal ialah proses menghantar dan menerima mesej antara dua atau lebih orang samaada secara rasmi dan tidak rasmi. Menurut kajian Adler (2009) pula komunikasi interpersonal adalah komunikasi antara dua orang ataupun komunikasi secara kontekstual. Dalam komunikasi interpersonal guru besar perlu berjumpa secara bersemuka antara dua orang atau lebih dengan membawa mesej lisan dan tanpa lisan supaya setiap orang dapat memahami antara satu sama lain (DeVito 2009). Menurut kajian Sonia (2009) dalam menjalankan tugas dan peranan setiap bidang, hubungan komunikasi interpersonal dalam kepimpinan adalah sangat penting dalam sesebuah organisasi. Oleh itu guru besar selaku pemimpin yang penting di peringkat sekolah perlu merancang serta menjalankan segala tanggungjawab yang diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di peringkat bawah lagi.

Kepuasan kerja ditakrifkan sebagai sejauh mana seorang pekerja merasakan selesa dan berpuas hati dengan pekerjaannya. Pekerja yang dirujuk dalam kajian ini adalah guru. Kepentingan kepuasan kerja dapat dilihat dari dua perspektif iaitu dari perspektif pekerja iaitu guru itu sendiri dan majikan iaitu guru besar. Bagi pekerja kepuasan kerja diukur dari perspektif pekerja untuk mendapatkan emolument yang baik, mempunyai kestabilan pekerjaan, mempunyai pertumbuhan kerjaya yang mantap, mendapat penghargaan & pengiktirafan dan sentiasa mendapat peluang baru. Sebaliknya jika pekerja menunjukkan sikap yang negatif maka pekerja itu tidak berpuas hati dengan pekerjaannya. (Todd Creasy, Michael Stul & Bernardino 2009). Manakala bagi majikan iaitu guru besar kepuasan kerja adalah untuk pekerja merupakan aspek penting untuk mendapatkan yang terbaik daripada mereka. Guru yang berpuas hati sentiasa menyumbang lebih banyak samaada dari segi bentuk tenaga, idea mahupun bekerja lebih dari waktu sekolah tanpa berkira demi menaikkan nama sekolah samaada dalam aspek akademik mahupun kokurikulum.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan diaplikasikan dalam kajian mengenai amalan komunikasi interpersonal guru besar dan hubungannya dengan kepuasan kerja guru sekolah rendah di Negeri Melaka kerana ia mampu memberikan penjelasan secara kuantitatif ke atas sesuatu populasi dengan hanya mengkaji sampel daripada populasi berkenaan (Cresswell 2009). Penggunaan soal selidik adalah kaedah yang termudah dan berkesan serta penggunaan masa yang singkat dan dapat ditadbir kepada populasi yang besar (Mohammad Zabidi 2009 & Mohd Aziz 2008). Tambahan lagi, soal selidik yang sempurna dapat mengukur dan mengumpul data dengan berkesan (Noraini Idris 2010). Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini diperolehi daripada *Supervisory Communication Scales* yang dibina oleh Huseman dan rakan-rakan (1980a). Manakala indeks kepuasan kerja oleh Brayfield dan Rothe (1951) menjadi asas kepada pembentukan item soal selidik bagi menguji hubungan kepuasan kerja guru-guru. Soal selidik berkenaan diubahsuai bagi menepati tujuan serta objektif kajian.

Dalam kajian ini, saiz sampel kajian dipilih berdasarkan formula penentuan saiz sampel yang dikemukakan oleh Bahagian Penyelidikan, National Education Association dan jadual

penentuan saiz sampel yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel tersebut bilangan sampel bagi populasi guru sekolah rendah di Negeri Melaka ialah sebanyak 331 orang. Secara keseluruhannya, penentuan bagi bilangan sampel untuk setiap sekolah yang dikaji adalah berdasarkan saiz dan gred sekolah serta bilangan guru terlatih yang terdapat di sekolah berkenaan. Dalam kajian ini, seramai 3 hingga 5 orang guru bagi setiap sekolah yang dipilih terlibat dalam kajian ini. Mengikut Sekaran (2003), saiz sampel antara 30 sehingga 500 responden adalah mencukupi untuk kajian tinjauan.

Penyelidikan yang mempunyai kesahan yang tinggi bererti dapatan yang diperoleh adalah berdasarkan fakta atau bukti dan mampu memberi justifikasi yang tepat (Noraini Idris 2010). Dalam kajian ini, kebolehpercayaan alat kajian ditentukan berdasarkan *Kaedah Cronbach Alpha* untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian. Kesahan kajian pula ditentukan melalui ujian faktor analisis mendapatkan kesahan konstruk manakala kesahan kandungan (*Content Validity*) bagi soal selidik

Pemboleh ubah	Alfa Cronbach	Bilangan Item
Amalan Komunikasi Interpersonal Guru Besar	0.977	32
Paksi pengaruh – mengarah	0.931	8
Paksi pengaruh – mengawal	0.935	8
Paksi keakraban – kerjasama	0.948	8
Paksi keakraban – hubungan rapat	0.931	8
Kepuasan Kerja Guru	0.912	16
Keperluan asasi dipenuhi	0.814	3
Keperluan hubungan individu dan masyarakat	0.804	5
Keinginan intrinsik untuk maju	0.899	8

Jadual 3.2 Keputusan nilai pekali alfa Cronbach bagi kajian rintis

Berdasarkan Jadual 3.2, didapati bahawa nilai pekali alfa Cronbach bagi borang soal selidik adalah melebihi nilai minimum 0.7 iaitu di dalam julat 0.909 hingga 0.924. Maka, dapat disimpulkan bahawa item-item dalam borang soal selidik dianggap mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan mempunyai konsistensi responden yang bagus (George & Mallery 1995; Pallant 2010).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan komunikasi interpersonal guru besar dan kepuasan kerja guru sekolah rendah Negeri Melaka adalah berada pada tahap yang tinggi secara keseluruhannya. Sebanyak 4 hipotesis utama dengan enam hipotesis pecahan telah diuji dalam kajian ini seperti dipaparkan dalam Jadual 4.23.

	Hipotesis	Keputusan
Ho1	Tidak terdapat terdapat perbezaan yang signifikan amalan komunikasi interpersonal guru besar berdasarkan faktor demografi.	
Ho1 ₁	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan komunikasi interpersonal guru besar berdasarkan umur.	Gagal ditolak
Ho1 ₂	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan komunikasi interpersonal guru besar berdasarkan pengalaman mengajar.	Gagal ditolak
Ho1 ₃	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan komunikasi interpersonal guru besar berdasarkan gred jawatan.	Gagal ditolak
Ho2	Tidak terdapat terdapat perbezaan yang signifikan tahap kepuasan kerja guru berdasarkan faktor demografi.	
Ho2 ₁	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kepuasan kerja guru berdasarkan umur.	Ditolak
Ho2 ₂	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kepuasan kerja guru berdasarkan pengalaman mengajar.	Ditolak
Ho2 ₃	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kepuasan kerja guru berdasarkan gred jawatan.	Ditolak
Ho3	Tidak terdapat hubungan antara amalan komunikasi interpersonal guru besar dengan kepuasan kerja guru.	Ditolak
Ho4	Tidak terdapat sumbangan antara amalan komunikasi interpersonal guru besar dengan kepuasan kerja guru.	Ditolak

Jadual 4.23 Rumusan Hipotesis

PERBINCANGAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap amalan komunikasi interpersonal guru besar (min = 4.03, SP = 0.323) dalam kalangan guru sekolah rendah Negeri Melaka adalah berada pada tahap yang tinggi ini menunjukkan bahawa guru besar sekolah rendah di Negeri Melaka berjaya mengamalkan komunikasi interpersonal yang berkesan..Menurut kajian (Wan Jemizan dan Ahmad Termizi 2012) mengatakan bahawa komunikasi adalah magnet diantara berkembang daripada seorang insan kepada insan yang lain. Kaedah mengelolakan organisasi atau komuniti akan tergendala tanpa komunikasi yang efektif. Semakin berkesan kaedah komunikasi yang diamalkan, maka semakin pantas pengurusan dan pentadbiran dalam sesebuah organisasi tersebut.

Hasil dapatan bagi kajian , terhadap kepuasan kerja guru pula menunjukkan skor tahap kepuasan kerja (min = 4.15, SP = 0.296) dalam kalangan guru sekolah rendah Negeri Melaka adalah berada pada tahap yang tinggi. bererti bahawa keadaan yang menyeronokkan dan tempat kerja yang selesa akan mempengaruhi tahap kepuasan kerja (Herzberg 1966). Pernyataan ini disokong pula dalam yang dibuat oleh (Ariffin 2001), yang mendapati bahawa guru-guru

memperoleh kepuasan kerja yang tinggi sekiranya pengetua mempunyai kecenderungan untuk berkomunikasi secara terbuka, positif dan mesra.

IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

Implikasi kajian ini terhadap guru besar ialah guru besar mampu menyampaikan maklumat dengan jelas serta bebas dari kekeliruan dan dapat mengelak daripada berlakunya konflik akibat salah faham. Kemahiran komunikasi yang berkesan juga dapat membangkitkan perasaan saling mempercayai antara satu sama lain diantara kakitangan pengurusan sekolah, kakitangan sokongan sekolah, guru-guru, pelajar dan juga ibu bapa. Guru besar juga perlu peka terhadap latar belakang yang berbeza bagi mengelakkan berlakunya konflik dalam organisasi. Dan boleh dijadikan panduan supaya pentadbiran dapat diuruskan dengan lebih efisien.

Manakala implikasi kajian kepada guru pula ialah guru-guru menyedari betapa pentingnya mengamalkan komunikasi yang baik dalam mewujudkan suasana yang selamat, selesa dan tenang apabila bekerja seharian dalam kawasan sekolah. Tanpa adanya komunikasi yang berkesan akan wujudnya masalah serta konflik dalam sesuatu organisasi. Tanpa adanya kemahiran komunikasi yang baik boleh mempengaruhi guru dalam persediaan menjadi bakal pentadbir sekolah.

Kajian lanjut terhadap amalan komunikasi interpersonal guru besar dan kepuasan kerja guru sekolah rendah di Negeri Melaka perlu dibuat lebih menyeluruh dan tidak di Negeri Melaka sahaja. Jika boleh, selain sekolah rendah kajian ini boleh melibatkan sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi yang lain. Dengan bertambahnya bilangan sampel dan luas kawasan yang dikaji, maka keputusan yang diperoleh akan lebih bermakna dan mudah untuk digeneralisasikan.

KESIMPULAN

Melalui dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap amalan komunikasi interpersonal guru besar dan hubungan dengan kepuasan kerja guru sekolah rendah adalah berada pada tahap tinggi. Ini bermakna bahawa guru besar berjaya mengamalkan komunikasi interpersonal yang berkesan dan sesuai dengan guru-guru di sekolah rendah di Negeri Melaka dan juga dapat mengelak dari tercetusnya konflik yang boleh menjejaskan peranan dan fungsi sekolah sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab melahirkan pelajar yang cemerlang dalam semua aspek dan bidang.

RUJUKAN

Abas Awang & Balasundran A. Ramaiah. 2002. Peranan pengetua & guru besar dalam menentukan kecemerlangan akademik pelajar. Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan ke 11. Anjuran Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia. Genting Highlands, 16 -19 Disember.

Abdul Aziz Md. Noor. 2003. An investigation into the headship training programme for aspiring primary school head teachers. Phd. Dissertation, University of Bristol.

Abdullah Ahmad Badawi. 2004. Ke arah perkhidmatan awam yang bertaraf dunia.

Ucapan Perdana Kelima. *Berita Harian*, 10 Januari: 2.

Amorosa, P. 2002. The impact of principle' transformational leadership behavior on teachers' commitment and teacher job satisfaction. Disertasi Ed. D. Seton Hall University.

Becker, C (1991). Reasons For the Lack Of Debate In The Far East, dalam. Samovar,

L.A. and Porter R. (edc.), *Intercultural communication: A Reader*, (6th ed.) Wadsworth, Belmont.

Ariffin Ba'ada . 2001. *Komunikasi dalam kepemimpinan pengetua dan kesannya kepada kepuasan kerja guru*. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Judy Cornelia dan Brian H. Spitzberg (1990). *Interpersonal, components and contexts*. USA: WM.C. Brown, Pearson Publisher.

Defleuf, M. & Ball-Roeach, S. 1966. *Theories of mass communication*. Ed. Ke-3. New York: Longman. Inc.

Dessler, G. 1985. *Human behavior improving performance at work*. Virginia: Rustom Publishing Comp Inc.

Che Su Mustaffa (pngr.) 2007. *Pengantar komunikasi organisasi*. Pearson Prentice Hall.

Chemers, M., Watson, C., & May, S. 2000. Dispositional affect and leadership effectiveness: A comparison of self-esteem, optimism, and efficacy- personality and Social Psychology. *Bulletin*, 26 (3): 267-277.

Cornell, K. S. 2003. *Job satisfaction of public elementary school assistant principals in the Inland Empire*. California: University of La Verne.

Crreech, F. 2006. Assessing the efficacy of perceived principal leadership frames and teacher satisfaction. Disertasi Ed. D. University of North Carolina at Chapel Hill.

Khalidah Omar. 2007. *Pengurusan konflik guru besar dan hubungannya dengan kepuasan kerja guru di Negeri Sembilan*. Projek penyelidikan sarjana pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lehman, L.E. 1989. Practical motivation strategies for teacher performance and growth. The National Association of Secondary School Principals: *Bulletin* 73 (520): 76-80.

Leithwood, K. & Jantzi, D. 1990. Transformational leadership: how principals can help reform school cultures, school effectiveness and improvement. *Journal of educational Administration* 1:249-280

Mardiana Hj Muhammad. 1998. *Kepuasan kerja di kalangan pegawai tadbir Universiti Putra Malaysia*. Latihan Ilmiah Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

Musa Mohamed. 2002. *Teks kata alu-aluan majlis penyampaian program kelayakan professional kepengetuaan kebangsaan dan diploma*. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Musa Mohamed. 2002. *Teks ucapan perasmian persidangan pengurusan pendidikan National Conference On The Principalship di Nasional Institute of Education*. Institut Aminuddin Baki.

Myers, S.M. 1964. Who are your motivated workers? *Harvard Business Review*. 42(1): 73-88.

Narimah Ismail & Saodah Wok. 2002. *Komunikasi organisasi*. Kuala Lumpur: PTS Publications

Navarro, R. A., et al. 1986. The art of becoming an instructional leader. Kertas kerja dibentangkan dalam surat tahunan. American Educational Research Association. San Francisco. ERIC Document Reproduction Service No. ED281314.

Neil, L. 1994. *Organizational culture and teacher job satisfaction*. Disertasi Ph.D. University of LaVerne, CA.

Neumann, W. 2003. *Social research methods: qualitative and quantitative approach*. Ed. Ke-5. Boston: Allyn and Bacon.

New Comb, T.C. 1953. *An Approach to the Study of Communicative Act*.

Psychological Review. Bil. 60.

Nik Azrieman. 2007. "Pengenalan komunikasi organisasi." dlm. Che Su Mustaffa(pngr). 2007 *Pengantar komunikasi*, Kuala Lumpur: Pearson Prentice Hall.

Noorizam A.N. Yacob. 2006. Kepuasan kerja guru prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. Latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nor Azmi Ibrahim. 1988. In-Service Courses and Teachers professionallity: The Implementation of KBSR in Malaysia. Disertasi Kedoktoran. Universiti Sussex, England.

Norlia Goolamally & Jamil Ahmad. 2007. Kepimpinan cemerlang: Antara tret, tingkah laku atau gaya kepimpinan? Prosiding seminar kebangsaan isu-isu pendidikan negara ke-3. 13-14 Februari 2007. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Omar Taha. 1996. Kepuasan kerja guru kelas pemulihan: Satu tinjauan di daerah Hilir Perak. Latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pace, R., Wayne and Faules, Don F. 1994. *Organizational communication*. Englewood Cliffs, N. J : Prentice Hall.